




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 196 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 49,981 kes. Lima (5) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di daerah Kota Kinabalu, dua (2) kes daerah Putatan dan satu (1) kes di daerah Kudat. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 533 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 47,290 orang. Sejumlah 1,834 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 722 orang di hospital, 1,104 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan Iapan (8) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 87 orang dan 25 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan hari ini

- 4 Pada hari ini, **tiada** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 196 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 137 kes (69.9%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 39 kes (19.9%), saringan kluster sedia ada dua (2) kes (1%), saringan komuniti dua (2) kes (1%) dan 16 kes (8.2%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,088 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,121 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 29.96%.

B BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Bagi bantuan Prihatin COVID-19 2.0 sehingga 2 Februari 2021, sebanyak **6,211** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan.

c LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 39,393 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 87 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat, namun 43 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 55 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 199 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 86 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Tiada tangkapan dibuat oleh APMM pada hari ini.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan enam (6) premis, di empat (4) buah daerah iaitu Daerah Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu dan Semporna.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 133 lokasi di 15 daerah dengan hebahan dibuat dalam sembilan (9) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Bisaya, Bahasa Murut, Bahasa Rungus, Bahasa Kadazan, Bahasa Iranun, Bahasa Bajau dan Bahasa Dusun.

D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.95%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Tenom	94%
3	Ranau	94%
4	Kunak	94%
5	Kota Belud	94%
6	Beluran	94%
7	Kinabatangan	93%
8	Beaufort	93%
9	Tuaran	93%
10	Keningau	93%
11	Kota Marudu	93%
12	Kudat	93%
13	Penampang	92.5%
14	Papar	92.5%
15	Tawau	92%
16	Semporna	92%
17	Sandakan	92%
18	Lahad Datu	92%
19	Kota Kinabalu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

Masyarakat diingatkan agar terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan tidak mengadakan sebarang aktiviti sosial semasa PKP ini bagi membendung penularan pandemik Covid19.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
5 Februari 2021**